SOALAN STRUKTUR

Arahan: Jawab semua soalan.

PENYALAHGUNAAN BAHAN

A **Tentukan pernyataan berikut mengenai risiko penyalahgunaan bahan berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.**

Cadangan jawapan

Fizikal	Janin	Saraf	Hati
Sosial	Otak	Mental dan Emosi	

CONTOH: JANIN

1 Keadaan muka yang rata dan kelemahan pada sendi-sendi dan otot.

2 Sukar menerima pelajaran, membentuk idea spontan, menumpukan fikiran dan membuat pertimbangan dengan teliti.

3 Hilang kawalan diri dan pemikiran. Tidak berasa segan-silu untuk melakukan perkara di luar batasan di khalayak ramai.

4 Hati akan mengalami kerosakan yang serius seperti sirosis hati yang boleh membawa maut.

5 Menyebabkan kecenderungan mendapat pelbagai jenis penyakit seperti sindrom Wernicke Korsakoff dan seterusnya membawa kepada komplikasi psikiatri.

6 Perut berasa sakit, kadangkala muntah dan cirit-birit sehingga menyebabkan berat badan terjejas.

7 Bersikap pemarah sehingga berlaku perpecahan, penderaan dan keganasan dalam keluarga.

B **Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.**

1 _____ merupakan aspek penting untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan bahan.

2 Pembentukan _____ amat penting agar sentiasa dapat membuat keputusan dengan pemikiran rasional.

3 _____ penyalahgunaan bahan di sekolah merupakan langkah awal bagi membendung masalah penyalahgunaan bahan dalam kalangan murid.

4 Hubungan kekeluargaan dan _____ memainkan peranan penting dalam memastikan ahli keluarga tidak terjebak dalam masalah penyalahgunaan bahan.

5 Pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan boleh memainkan peranan dalam usaha mengurangkan masalah penyalahgunaan bahan melalui program, _____, motivasi serta hebahan media cetak dan sosial.

Cadangan jawapan

interpersonal	Kesedaran diri
Pendidikan	kempen kesedaran
minda positif	

LIVEWORKSHEETS